

23 SEP 2000

Mahathir-Tuntutan

JANGAN KETERLALUAN DALAM MEMBUAT TUNTUTAN, KATA PM

PULAU PINANG, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada pelbagai kaum di Malaysia supaya tidak bersikap keterlaluan dalam membuat tuntutan untuk kaum masing-masing kerana mereka boleh kehilangan segala-gala yang mereka kecapai sekarang.

Katanya, dalam membuat tuntutan itu mereka tidak seharusnya dipengaruhi oleh sentimen perkauman yang keterlaluan.

Perdana Menteri berkata, mereka yang perlu mempertahankan hak dan kepentingan kaum tertentu harus juga mengambilkira kepentingan dan sensitiviti kaum-kaum lain.

"Dengan ini kita tidak akan meminta yang bukan-bukan yang keterlaluan bagi kaum kita," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2000 Parti Gerakan di sini.

"Di Malaysia, tidak akan ada mana-mana kaum yang akan mendapat semua yang dituntut olehnya. Setiap kaum terpaksa berkorban sedikit sebanyak daripada haknya. Setiap kaum terpaksa kecewa," kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN.

"Tiada siapa pun akan dapat semua yang beliau fikirkan sebagai haknya, tiada siapapun akan kehilangan semua yang beliau berhak terhadapnya."

"Tetapi malangnya, adalah mungkin bagi kita untuk hilang kesemuanya dan itu akan berlaku jika kita tidak munasabah dalam tuntutan kita, apabila kita saling berkonfrontasi dan akhirnya menggunakan keganasan," kata beliau.

"Apabila kita berbuat begitu seluruh negara akan musnah dan tiada apa yang tinggal untuk kita," katanya.

Sambil merujuk kepada peristiwa rompakan senjata di dua buah kem tentera di Perak Julai lepas oleh pengikut "sebuah pertubuhan yang didorong oleh pemikiran yang keterlaluan", Dr Mahathir mahu semua pihak sedar dan insaf setelah menyaksikan sendiri segala peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka.

"Kita tidak mahu rakyat dan negara binasa kerana kesilapan, kekebalan dan kejahilan kita sendiri," katanya.

"Kita ingin merapatkan rakyat negara kita. Kita tidak berhajat untuk sesiapa mengasimilasikan sesiapa. Kita hanya ingin rakyat Malaysia daripada berbilang kaum dan negeri-negeri yang berlainan belajar hidup bersama sebagai satu bangsa," katanya.

Dengan ini, beliau berkata semua orang akan lebih setia kepada negara dan dapat sama-sama membangunkannya.

Dr Mahathir berkata matlamat ini sudah tentu tidak akan dicapai jika ada sahaja tentangan terhadap sebarang usaha untuk menjalin hubungan yang baik dan kefahaman sesama rakyat

Jika terdapat kerjasama antara kaum, ianya disebabkan oleh politik BN dan jika tidak kerana parti-parti komponen BN yang dianggotai oleh pelbagai kaum berani bekerjasama, hari ini kaum-kaum di Malaysia akan bermusuh-musuhan.

Perdana Menteri juga menyebut setiap kali pilihan raya diadakan, ada sahaja ugutan yang dibuat terhadap parti-parti komponen BN supaya menolak kerjasama antara kaum serta menolak sikap kesederhanaan jika mereka ingin dapatkan sokongan, tetapi parti-parti komponen BN tidak gentar.

Parti-parti komponen BN terus mendokong prinsip-prinsip kerjasama antara kaum walaupun kadang-kadang sokongan kepada mereka merosot dalam pilihan raya di negeri-negeri tertentu, katanya.

Bagaimanapun, katanya, di peringkat pusat BN masih juga dapat jumlah kerusi yang mencukupi untuk mendirikan kerajaan yang berwibawa dan berkesan.

Dr Mahathir berkata daripada satu polemik berhubung dengan hak kaum tertentu baru-baru ini, memang ada perasaan tidak puas hati berkenaan perkara-perkara tertentu di kalangan semua kaum di Malaysia.

Katanya, sementara perkara-perkara itu boleh dibincangkan, ia hendaklah dibuat dengan cara tertutup.

"Jika kita adakan perbahasan terbuka, mungkin perasaan tidak dapat dikawal di mana besar kemungkinan rusuhan kaum akan berlaku dan ini akan merugikan semua pihak," katanya.

Beliau berkata semua pihak harus berbangga dan bersyukur dengan keadaan harmoni di negara ini dan janganlah sesiapa begitu tidak sensitif dan mengungkit tentang kepentingan mereka sehingga keharmonian di negara ini terancam, retak dan hancur.

Beliau berkata walaupun rakyat boleh berpuashati dengan keharmonian antara kaum, mereka perlu berusaha supaya perhubungan antara kaum menjadi lebih erat dan usaha itu perlu dibuat awal-awal lagi.

Sebab itu, kita ingin lihat rakyat daripada semua kaum dan suku kaum tinggal di kawasan perumahan yang sama kerana amatlah tidak sihat jika masing-masing kaum mempunyai perumahan yang berasingan, katanya.

Menurut beliau, lebih tidak sihat lagi ialah satu kaum tinggal di rumah-rumah mewah dan kaum lain tinggal di rumah murah atau rumah setingan.

Pengusaha perumahan dan bandar-bandar baru hendaklah menentukan semua kaum akan tinggal bersama dan berniaga bersama di projek-projek perumahan dan bandar-bandar baru, katanya.

Agihan rumah dan kedai mestilah adil dan kerajaan sedang berusaha supaya matlamat itu akan tercapai melalui projek "Prosper", katanya.

-- BERNAMA

AHM AZZ AU PR